

KEDUDUKAN PINJAMAN KELANTAN DARIPADA PERSEKUTUAN ANTARA TAHUN 2005 HINGGA 2017

Nawi Abdullah
Muhammad Nikmatullah Ajwad Adnan*

Abstrak

Pinjaman wang Kelantan daripada Persekutuan atau juga dikenali sebagai hutang awam negeri adalah untuk membiayai segala kegiatan kerajaan atau agensi yang berada di bawah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Dengan itu makalah ini menghurai kedudukan pinjaman dan hutang Kelantan kepada Persekutuan, termasuk jenis hutang awam, kedudukan hutang, tunggakan bayaran sepanjang tempoh 2005 hingga 2017. Dalam perbincangan tersebut, makalah ini merujuk kepada Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia 2005 hingga 2017.

Kata Kunci: Pinjaman, Kelantan dan Persekutuan

Pengenalan

Hutang awam Negeri adalah merujuk kepada kepada hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Hutang ini ialah jumlah pinjaman yang diterima oleh kerajaan Negeri yang akan digunakan untuk membiayai aktiviti-aktiviti di dalam negeri berkenaan. Hutang ini termasuklah jumlah yang dipinjamkan kepada Agensi-agensi Kerajaan Negeri seperti Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Syarikat Milik Kerajaan Negeri dan untuk membiayai pelbagai projek pembangunan dan pembiayaan Projek Perumahan Awam Kos Rendah. Projek-projek ini merupakan projek yang dijalankan oleh kerajaan negeri atau agensi-agensi yang berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Di dalam sistem federalism fiskal Malaysia, jika kerajaan negeri kekurangan dana, kerajaan negeri hanya boleh memohon untuk mendapat pinjaman hanya dari Kerajaan Persekutuan dan perkara ini termaktub di dalam Perkara 111(2) Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan bahawa Kerajaan Negeri boleh membuat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dengan kelulusan undang-undang Negeri. Secara umumnya tujuan Kerajaan Negeri membuat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan adalah untuk membiayai pelbagai projek pembangunan atau disalurkan semula kepada Agensi Kerajaan Negeri bagi tujuan yang sama dan pinjaman tersebut diperuntukkan kepada maksud yang dipohon semata-mata.

* Saudara Nawi bin Abdullah ialah pensyarah di Fakulti Ekonomi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, dan Muhammad Nikmatullah Ajwad bin Adnan ialah calon Doktor Falsafah Fakulti Keusahanan Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.

Bagi negeri-negeri yang mempunyai keupayaan fiskal yang terhad seperti Kelantan, pinjaman daripada Persekutuan amatlah diperlukan dalam usaha untuk melaksanakan projek-pejok pembangunan dan kesejahteraan rakyat. Dengan kedudukan sumber hasil yang terhad dan peruntukkan di dalam Perlembagaan yang hanya membenarkan Kerajaan Negeri memperoleh sumber dari Kerajaan Persekutuan, menyebabkan kebergantungan kerajaan negeri kepada kerajaan persekutuan untuk mendapat pembiayaan semakin meningkat dari setahun ke setahun. Hal ini terjadi terutamanya kepada negeri-negeri yang mempunyai keupayaan fiskal yang terhad seperti Kelantan. Dalam setiap tahun fiskal, kedudukan belanjawan negeri sentiasa berada di dalam keadaan defisit dan dengan kedudukan fiskal yang terhad ini, menyebabkan Kelantan setiap tahun membuat pinjaman baru kepada Persekutuan. Keadaan ini menjadikan kedudukan hutang awam Kelantan sentiasa meningkat dari setahun ke setahun. Selaras dengan kedudukan kewangan yang lemah, telah menjadikan keupayaan untuk membayar balik hutang awam juga menjadi rendah dan dalam masa yang sama kerajaan Kelantan setiap tahun membuat pinjaman baru kepada Persekutuan

Kedudukan Hutang Awam Kelantan Kepada Pesekutuan Antara Tahun 2005 ke 2017

Sepanjang tahun kajian (2005 ke 2017) didapati bahawa kedudukan hutang awam Kelantan kepada Persekutuan meningkat dari setahun ke setahun. Pada tahun 2005 baki pada hujung tahun hutang kerajaan Negeri Kelantan kepada Kerajaan Persekutuan ialah sebanyak RM880.59 juta dan ianya meningkat kepada RM1112.00 pada 2010 iaitu peningkatan sebanyak 26.3 peratus dan meningkat kepada RM1354.81 juta pada tahun 2015 iaitu peningkatan sebanyak RM245.81 juta atau 22.10 peratus. Keadaan hutang ini terus meningkat pada tahun 2017 kepada RM1421.42 atau meningkat sebanyak 4.9 peratus berbanding tahun 2015.

Tren yang meningkat juga diburukkan lagi dengan peningkatan dalam jumlah tunggakan bayaran balik hutang awam bagi tahun 2005 hingga 2017. Data menunjukkan berlakunya peningkatan tunggakan bayaran balik hutang awam bagi setiap tahun. Pada tahun 2005, tunggakan bayaran balik kerajaan Kelantan kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1.62 juta dan meningkat kepada RM120.36 juta pada akhir tahun 2010 iaitu peningkatan lebih dari 7000 peratus untuk tempoh lima tahun. Tunggakan hutang ini terus meningkat kepada RM348.09 juta pada tahun 2015 iaitu peningkatan sebanyak 189.2 peratus dan pada tahun 2017 didapati baki hutang awam yang tertunggak adalah sebanyak RM438.78 juta iaitu peningkatan sebanyak 26.06 peratus berbanding dengan tahun 2015.

Peningkatan dalam baki hutang dan tunggakan bayaran balik yang meningkat dari setahun ke setahun adalah disebabkan oleh dua faktor utama iaitu pertambahan dalam hutang baru yang dilakukan oleh Kelantan dan jumlah bayaran balik yang kecil dan perlahan yang dilakukan oleh Kelantan kepada Persekutuan. Bagi aspek pertama iaitu pertambahan dalam jumlah pinjaman baru, didapati pada tahun 2005 kerajaan Kelantan telah mendapat sebanyak RM25.09 juta hutang baru daripada Persekutuan dan ianya menurun kepada RM14.63 juta pada tahun kewangan 2010. Namun begitu hutang baru yang dilakukan oleh kerajaan Negeri Kelantan bertambah kembali kepada RM61.25 juta pada tahun fiskal 2015 dan menurun kepada RM25.06 juta pada tahun 2017. Kesan daripada penambahan hutang baru dari Kerajaan Persekutuan pada setiap tahun dan menjadikan jumlah hutang terkumpul oleh kerajaan Negeri kepada Persekutuan meningkat dari setahun ke setahun.

Dengan keupayaan membayar balik yang lemah dari kerajaan Kelantan kepada kerajaan Persekutuan terhadap hutang-hutang serta pertambahan dalam pinjaman baru menyebabkan berlakunya peningkatan kepada baki hutang pada setiap tahun. Didapati bahawa hanya dalam dua tahun kewangan sahaja kerajaan Kelantan membayar balik hutangnya melebihi RM10 juta iaitu pada tahun 2015 dan pada 2011. Untuk tahun-tahun kewangan lainnya didapati bahawa bayaran balik dari kerajaan Kelantan kepada Persekutuan adalah berada dibawah RM10 juta, contohnya pada tahun 2012, jumlah bayarannya ialah sebanyak RM2.33 juta dan pada tahun 2014 jumlahnya ialah sebanyak RM2.57 juta. Kesan daripada jumlah bayaran balik yang kecil berbanding dengan jumlah baki hutang kerajaan negeri serta pertumbuhan hutang baru kepada Persekutuan menjadikan hutang awam Kelantan sentiasa meningkat dari setahun ke setahun.

Penilaian terhadap terhadap peratusan bayaran balik hutang awam negeri dengan baki hutang dan baki tunggakan bayaran balik didapati trennya mengalami peningkatan. Pada tahun 2005 peratus bayaran balik hutang berbanding dengan baki hutang ialah sebesar 0.02 peratus dan menjadikan tunggakan terkumpul ialah sebanyak RM1.62 juta. Pada tahun fiskal 2010, dengan jumlah bayaran balik sebanyak RM5.20 juta dan dengan jumlah hutang terkumpul sebanyak RM1112.00 juta menjadikannya ialah sebesar 0.46 peratus dari jumlah hutang awam negeri. Dengan bayaran ini menjadikan jumlah tunggakan bayaran balik terkumpul adalah sebesar RM348.09 juta. Pada tahun fiskal 2015, peratusannya adalah sebesar 0.32 peratus dan menjadikan jumlah hutang awam tertunggak berjumlah RM348.09 juta. Dengan kadar bayaran balik hutang awam Negeri yang matang yang perlahan dan lemah, menjadikan jumlah hutang matang terkumpul sentiasa meningkat dari setahun-ke setahun.

Bagi aspek pertumbuhan hutang baru dengan jumlah bayaran balik data jelas menunjukkan bahawa jumlah pinjaman baru sentiasa melebihi daripada jumlah bayaran balik kepada Persekutuan. Pada tahun 2005 jumlah hutang baru ialah sebanyak RM25.09 juta, sementara jumlah yang dibayar kepada kerajaan Persekutuan ialah sebanyak RM18.99 juta atau hanya sebesar 75.68 peratus dari hutang awam baru. Sementara pada tahun fiskal 2010, jumlah pinjaman baru ialah sebanyak RM14.63 juta dan jumlah bayaran balik hanyalah sebesar RM5.2 juta atau hanya 35.54 peratus dari hutang awam baru. Bagi tahun kewangan 2015, jumlah pinjaman baru ialah sebanyak RM61.25 juta dan jumlah bayaran balik ialah sebanyak RM4.45 juta atau hanya sebesar 7.26 peratus dari hutang awam baru Kelantan. Sementara pada tahun 2017, jumlah pinjaman baru ialah sebanyak RM25.06 juta dan jumlah bayaran balik ialah sebanyak RM4.04 juta atau sebesar 16.12 peratus dari hutang awam baru. Pada tahun 2015 nisbah bayaran balik berbanding dengan hutang baru yang menunjukkan bahawa jumlah bayaran balik ialah sebesar 75.6 peratus daripada hutang baru. Pada tahun 2010, jumlahnya ialah sebesar 35.5 peratus berbanding hutang baru. Sementara pada tahun 2015 kedudukannya ialah sebesar 7.26% dan pada tahun 2017 iannya berada pada 16.12 peratus. Data-data ini menunjukkan bahawa jumlah bayaran balik kerajaan negeri Kelantan secara umumnya berada di bawah 50 peratus daripada jumlah pinjaman baru kepada Persekutuan. Dengan pertumbuhan hutang baru dan jumlah bayaran balik yang rendah, telah menjadikan jumlah terkumpul untuk hutang awam meningkat dan ini juga meningkatkan jumlah tunggakan hutang awam yang telah matang dan perlu dibayar balik oleh Kelantan kepada Persekutuan.

Jika ditinjau dari kedudukan peratus bayaran balik hutang kerajaan negeri berbanding dengan baki hutang kepada persekutuan didapati pada tahun 2015, jumlah bayaran balik hanyalah sebesar 2.15 peratus dari jumlah keseluruhan baki hutang kerajaan negeri kepada

persekutuan dan pada tahun 2010 peratusan yang dibayar ialah sebesar 0.46 peratus dari jumlah hutang terkumpul pada tahun kewangan berkenaan. Pada tahun 2015, jumlah bayaran balik yang dilakukan oleh Kelantan hanyalah sebanyak 0.32 peratus dari keseluruhan hutang awam kerajaan negeri. Pada tahun 2017 peratus jumlah bayaran hutang kepada jumlah balik ialah sebesar 0.28 peratus. Paling tinggi pembayaran balik yang dilakukan ialah pada tahun 2005 iaitu sebesar 2.15 peratus dan pada tahun 2016 peratusnya ialah sebesar 1.03 peratus. Untuk tahun-tahun berikutnya sehingga tahun 2017, didapati peratus bayaran balik hutang kerajaan negeri kepada Persekutuan sentiasa berada di bawah satu peratus daripada keseluruhan hutang awam Kelantan. Dengan peratusan bayaran balik yang rendah dan pertambahan dalam hutang awam baru yang dilakukan oleh Negeri kepada Persekutuan menjadikan jumlah hutang awam dan tunggakan bayaran balik semakin meningkat.

Jadual 1: Jumlah Pinjaman Baru, Jumlah Bayaran Balik, Baki Hutang dan Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam Kelantan Dari 2005 ke 2017 (31 Disember)

Tahun	Jumlah Pinjaman Baru (Juta)	Jumlah Bayaran Balik (Juta)	Baki Pada 31 Disember (Juta)	Tunggakan Bayaran Balik (Juta)
2005	25.09	18.99	880.59	1.62
2006	67.40	9.75	940.06	12.14
2007	23.35	4.86	958.67	30.99
2008	22.30	6.50	980.96	55.43
2009	12.78	9.30	993.75	88.65
2010	14.63	5.20	1112.00	120.36
2011	27.85	10.21	1139.93	179.81
2012	34.97	2.33	1174.90	216.88
2013	42.39	3.87	1233.44	247.16
2014	60.12	2.57	1293.56	275.32
2015	61.25	4.45	1354.81	348.09
2016	41.55	3.94	1396.36	391.89
2017	25.06	4.04	1421.42	438.78


Sumber: Malaysia, Laporan Odit Negara, Pelbagai Tahun (Disesuaikan)

Seretak dengan jumlah hutang yang meningkat dan kedudukan hasil yang lemah menyebabkan tunggakan bayaran hutang kerajaan negeri kepada persekutuan terus meningkat dari setahun ke setahun. Jumlah bayaran balik tertinggi yang dilakukan oleh kerajaan Kelantan iaitu pada tahun 2005 iaitu sebanyak RM18.99 juta dan pada tahun 2011 sebanyak RM10.21 juta dan ini menjadikan jumlah tunggakan untuk tahun fiskal berkenaan ialah sebanyak RM179.81 juta. Untuk tahun-tahun lainnya, jumlah bayaran balik adalah berada di bawah RM10 juta setahun dan yang paling rendah dibayar oleh kerajaan Kelantan ialah pada tahun fiskal 2012

KEDUDUKAN PINJAMAN KELANTAN DARIPADA
PERSEKUTUAN ANTARA TAHUN 2005 HINGGA 2017

sebanyak hanya RM2.33 juta dan ini menjadikan jumlah tunggakan bayaran balik meningkat kepada RM216.88 juta dan sebanyak RM2.57 juta bayaran balik pada tahun fiskal 2014 dan menjadikan jumlah bayaran tertunggak ialah sebesar RM275.32 juta. Kesan daripada ini menjadikan jumlah baki hutang dan tunggakan bayaran balik sentiasa meningkat dari RM1.62 juta pada 2005 kepada RM120.36 juta pada 2010 dan terus meningkat kepada RM438.78 juta pada 2017.

Geraf 1: Kedudukan Pinjaman Baru, Jumlah Bayaran Balik dan Baki Hutang Awam Kelantan Pada 31 Disember (Juta)



Data juga menunjukkan bahawa bayaran balik pinjaman yang telah matang adalah tidak mengikut Jadual Bayaran Balik atau anuiti tahunan yang ditetapkan dan tidak dipenuhi oleh kerajaan negeri Kelantan. Dengan peningkatan dalam tunggakan bayaran balik dan tambahan hutang baru menjadikan jumlah jumlah hutang terkumpul tahunan mengalami peningkatan. Serentak dengan itu, didapati bahawa kadar bayaran balik hutang yang telah matang (anuiti) tidak mengikut jadual dan perlahan dan menjadikan tunggakan bayaran balik terkumpul dan jumlah hutang turut mengalami peningkatan. Daripada gambarajah di atas jelas menunjukkan bahawa jumlah bayaran balik adalah sentiasa berada di bawah pinjaman baru dan ini menjadikan jumlah tunggakan bayaran balik dan jumlah hutang terkumpul mengalami peningkatan.

Jenis-Jenis Hutang Awam Kelantan Kepada Persekutuan

Bagi melaksanakan projek pembangunan di Kelantan, Kerajaan Negeri memperoleh pinjaman daripada Persekutuan dan pinjaman ini sebahagiannya dipinjamkan semula kepada agensinya bagi membiayai projek dan aktiviti pembangunan yang berdaya maju. Secara

umumnya terdapat empat bentuk peruntukkan pinjaman yang diberikan oleh Persekutuan kepada Kelantan, iaitu Pinjaman untuk Projek Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PPPKINK), Pinjaman untuk Projek Bekalan Air (PPBA), Pinjaman untuk Projek Perumahan Awam Kos Rendah (PPPAKR) dan Pinjaman untuk Pelbagai Projek Lain (PPPL) yang dirasakan perlu untuk pembangunan Negeri Kelantan.

Jadual 2: Jenis Peruntukkan Pinjaman Kerajaan Persekutuan Kepada Kerajaan Negeri Kelantan dari Tahun 2005- 2017 (Juta)

Tahun	PPPKINK	PPBA	PPPAKR	PPPL	Jumlah
2005	276.04	357.94	70.55	176.06	880.59
2006	268.38	425.34	70.55	175.79	940.06
2007	268.38	444.70	70.55	175.04	958.67
2008	268.38	467.35	70.56	174.68	980.96
2009	268.38	482.82	68.78	173.77	993.75
2010	266.56	604.37	14.63	173.17	1112.00
2011	266.56	669.90	64.40	168.99	1139.93
2012	266.56	677.14	63.52	167.68	1174.90
2013	264.70	739.78	62.64	166.31	1233.44
2014	264.34	768.74	60.85	199.63	1293.56
2015	262.80	821.30	59.97	210.74	1354.81
2016	260.87	850.47	59.10	225.92	1396.36
2017	260.77	873.20	58.22	229.23	1421.42

Sumber: Malaysia, Laporan Odit Negara, Pelbagai Tahun (Disesuaikan)

PPPKINK= Pinjaman untuk Projek Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan
 PPBA = Pinjaman untuk Projek Bekalan Air
 PPPAKR = Pinjaman untuk Projek Perumahan Awam Kos Rendah
 PPPL = Pinjaman Pelbagai Projek Lain

Merujuk kepada Jadual 2, didapati bahawa sebahagian besar daripada jumlah hutang kerajaan Negeri Kelantan adalah untuk pembiayaan kepada Projek Bekalan Air dan pinjaman kepada projek-projek yang dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Kerajaan Negeri Kelantan. Tren hutang kepada projek-projek ini sentiasa mengalami peningkatan dari setahun ke setahun terutamanya kepada PPBA.


Pada tahun 2005, daripada RM880.59 juta hutang awam Kerajaan Negeri Kelantan, sebanyak RM276.04 juta atau 31.34 peratus disalurkan kepada pembiayaan projek dibawah Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan, sebanyak RM357.94 juta atau 40.65 peratus adalah untuk projek Bekalan Air dan sebanyak RM70.55 juta atau 8.01 peratus adalah bagi Projek Perumahan Awam Kos Rendah. Bakinya sebesar RM176.06 juta atau 20 peratus adalah untuk pelbagai projek lain yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri dan agensi-agensinya. Pada tahun 2010, dari sebanyak RM1112.00 juta hutang awam Kelantan, sebanyak 24 peratus disalurkan kepada projek dibawah kendalian PKINK, sebanyak 54.35 peratus adalah

KEDUDUKAN PINJAMAN KELANTAN DARIPADA
PERSEKUTUAN ANTARA TAHUN 2005 HINGGA 2017

untuk Projek Bekalan Air, sebanyak 1.31 peratus untuk Perumahan Awam Kos Rendah dan bakinya sebanyak 15.57 peratus disalurkan kepada pelbagai projek lain yang dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan Negeri. Sementara itu bagi tahun fiskal 2015 dari 1354.81 juta jumlah hutang awam Kelantan, didapati sebanyak 19.40%, 60.62%, 4.43% dan 15.55% adalah masing-masing untuk Perbadanan Kemajuan Iktisad Kelantan, Projek Bekalan Air, Projek Perumahan Awam Kos Rendah dan Pinjaman Pelbagai Projek Lainnya di negeri Kelantan. Bagi tahun 2017, dari jumlah terkumpul hutang awam sebanyak RM1421.42 juta, sebanyak 260 juta atau 18.35 peratus disalurkan kepada PPPKINK, sebanyak RM873.20 juta untuk atau sebesar 61.43 peratus dan bakinya masing-masing sebesar RM58.22 juta (4.09%) dan RM229.23 juta (16.13%) adalah untuk PPPAKR dan PPPL di bawah kerajaan Negeri.

Sebahagian besar daripada hutang awam Kelantan adalah diperuntukkan kepada Projek Bekalan Air (PPBA) dan didapati bahawa jumlah yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri secara umumnya melebihi 40 peratus daripada keseluruhan pinjaman tahunan yang diperolehi. Ini diikuti dengan pinjaman yang disalurkan kepada projek-projek yang dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PPPKINK) iaitu antara 8.3 peratus ke 31.9 peratus dari keseluruhan hutang awam Kelantan. Sementara itu bagi Pelbagai Projek Lain (PPPL) ianya berjumlah dari RM160 juta hingga RM299 juta atau antara 15.57 peratus hingga 17 peratus dari keseluruhan jumlah hutang awam tahunan Kelantan. Peruntukkan bagi Projek Perumahan Awam Kos Rendah (PPPAKR) jumlah hutangnya adalah antara RM14.63 juta hingga RM70.56 juta atau sebesar antara 4.09 peratus ke 8.01 peratus dari jumlah keseluruhan hutang awam negeri mengikut tahun dan ada tahun-tahun yang tertentu tiada pertumbuhan baru dalam hutang awam bagi agensi ini. Pertumbuhan yang ketara terhadap hutang awam negeri Kelantan adalah disebabkan oleh peningkatan dalam pinjaman baru yang disalurkan kepada projek-projek PPBA dalam usaha kerajaan negeri menambah baik kemudahan asas kepada keperluan rakyat di Kelantan. Bagi bentuk-bentuk pinjaman lain, pertumbuhannya adalah kontans dan agak mendatar.

Graf 2: Jenis Peruntukan Persekutuan Kepada Kelantan Antara Tahun 2005 ke 2017 (Juta)



Kedudukan Hutang Awam Baru Bersih Kelantan 2005 - 2017

Hutang awam baru bersih adalah merujuk kepada jumlah hutang awam baru yang dibuat pada setiap tahun fiscal ditolak dengan jumlah hutang yang dibayar pada tahun fiscal berkenaan. Merujuk kepada jumlah hutang awam baru Kelantan, didapati bahawa pada tahun 2005, nilai bersih hutang awam baru adalah sebanyak RM8.98 juta dan bertambah kepada RM118.25 juta pada tahun 2010. Sementara pada tahun 2015, nilai hutang awam bersih Kelantan ialah sebanyak RM61.25 juta dan pada tahun fiscal 2017 nilainya ialah sebanyak RM25.06 juta.

Jadual 3: Hutang Awam Baru Bersih Kelantan Mengikut Agensi Tahun 2005-2017 (Juta)

Tahun	Jumlah Hutang Baru Bersih (Juta)	PPPKINK (Juta)	PPBA (Juta)	PPPAKR (Juta)	PPPL (Juta)
2005	8.98	-7.62	25.09	-1.76	-6.73
2006	59.47	-7.66	67.40	0.00	-0.27
2007	18.61	0.00	19.36	0.00	-0.75
2008	22.30	0.00	226.51	-0.01	-0.36
2009	12.78	0.00	15.47	-1.78	-0.91
2010	118.25	-0.82	121.55	-0.88	-0.60
2011	27.85	0.00	35.61	-3.50	-4.18
2012	34.97	0.00	37.16	-0.88	-1.31
2013	58.54	-1.86	62.64	-0.88	-1.37
2014	60.12	-0.36	28.96	-1.79	33.32
2015	61.25	-1.54	52.56	-0.88	11.11
2016	41.55	-1.93	29.17	-0.88	15.18
2017	25.06	-0.10	22.73	-0.88	3.31

Sumber: Malaysia, Laporan Odit Negara, Pelbagai Tahun (disesuaikan)

PPPKINK= Pinjaman untuk Projek Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

PPBA = Pinjaman untuk Projek Bekalan Air

PPPAKR = Pinjaman untuk Projek Perumahan Awam Kos Rendah

PPPL = Pinjaman Pelbagai Projek Lain

Perubahan dalam hutang awam bersih ini sebagian besarnya adalah disumbangkan oleh pinjaman baru negeri terutamanya untuk PPPBA dan juga untuk PPPL. Pada tahun 2015, jumlah hutang baru yang diperuntukkan kepada PBA ialah sebesar RM25.09 juta dan meningkat kepada RM121.55 juta pada tahun 2010. Pada tahun 2015 jumlah hutang awam baru yang diperuntukkan untuk PPBA ialah sebanyak RM52.56 juta dan pada tahun 2017 jumlahnya adalah sebesar RM22.71 juta. Dari tahun 2005 hingga 2017 didapati bahawa tiada penurunan dari jumlah hutang awam yang diperuntukkan kepada PPBA. Sentiasa ada tambahan hutang awam baru untuk PPBA sentiap tahun. Sementara bagi PPPL didapati bahawa di antara tahun 2005 hingga tahun 2013, tiada penambahan hutang awam baru bersih bagi PPPL, malah agensi ini berupaya untuk membayar balik hutang awam untuk agensi yang telah

KEDUDUKAN PINJAMAN KELANTAN DARIPADA
PERSEKUTUAN ANTARA TAHUN 2005 HINGGA 2017

matang dan menjadikannya tiada pertumbuhan baru dalam hutang awam, malah mengalami penurunan. Namun pada tahun 2014, hutang awam bersih bagi PPL mula bertambah iaitu kepada RM33.32 juta dan pada tahun 2017 nilai hutang awam bersih untuk PPL ialah sebesar RM3.31 juta. Dengan kata lainnya, jumlah bayaran yang dilakukan oleh agensi-agensi yang melaksanakan PPL adalah lebih kecil berbanding dengan jumlah hutang baru yang diperolehi dari negeri.



Bagi agensi-agensi lain seperti PPPKINK dan PPPAKR dalam sepanjang tahun kajian di dapati tiada pertumbuhan hutang awam baru, malah untuk kedua-duanya (PPPKINK dan PPPAKR) didapati hutang awamnya adalah negative atau tiada pertumbuhan baru. Dengan kata lainnya, untuk kedua-dua agensi ini didapati bahawa bayaran balik sekurang-kurangnya adalah sama dengan hutang awam baru atau melebihi dari hutang awam baru bagi agensi berkenaan. Ini menjadikan pertumbuhan hutang awam baru bagi PPPKINK dan PPPAKR sekurang-kurangnya tiada peningkatan atau menjadi semakin berkurangan dari tahun ke tahun.

Tunggakan Bayaran Balik Hutang Kelantan Kepada Persekutuan Mengikut Jenis Hutang

Sebahagian besar daripada hutang awam Kelantan adalah disalurkan kepada agensi-agensi awam di bawah bidang kuasa kerajaan Negeri untuk tujuan projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh agensi-agensi berkenaan. Empat agensi utama ialah Perbadanan Kemajuan Iktis Kelantan (PPPKINK), Projek Bekalan Air (PPPBA), Projek Perumahan Awam Kos Rendah (PPPAKR) dan Pelbagai Projek Lainnya (PPL). Kesan daripada penanguhan bayaran balik pinjaman yang disalurkan kepada agensi kerajaan negeri ini menjadikan kedudukan jumlah tunggakan bayaran balik sentiasa meningkat dari setahun ke setahun.

Jadual 4: Tunggakan Bayaran Balik Hutang Kerajaan Negeri Kelantan Kepada Persekutuan dari Tahun 2005 - 2017 (Juta) Mengikut Agensi

Tahun	PPPKINK (Juta)	PPBA (Juta)	PPPAKR (Juta)	PPPL (Juta)	Jumlah Tunggakan (Juta)
2005	-	-	-	-	1.62
2006	0.00	3.29	2.61	6.24	12.14
2007	9.30	4.94	5.22	11.52	30.99
2008	18.61	12.08	7.84	16.91	55.43
2009	27.91	30.71	7.84	22.19	88.65
2010	33.78	50.80	9.57	27.42	120.36
2011	43.08	94.08	8.68	33.25	179.81
2012	52.38	116.15	10.42	37.93	216.88
2013	50.94	146.57	6.35	42.80	247.16
2014	58.54	160.77	6.98	49.03	275.32
2015	71.92	207.01	13.89	55.26	348.09
2016	79.29	236.23	15.63	60.74	391.89
2017	87.49	268.61	16.57	66.11	438.78

Sumber: Malaysia, Laporan Odit Negara, Pelbagai Tahun (Disesuaikan)

PPPKINK= Pinjaman untuk Projek Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

PPBA = Pinjaman untuk Projek Bekalan Air

PPPAKR = Pinjaman untuk Projek Perumahan Awam Kos Rendah

PPPL = Pinjaman Pelbagai Projek Lain

Pada tahun 2006, dari RM12.14 juta dari tunggakan hutang awam Kelantan, sebanyak RM3.29 juta (27.1%) datangnya dari Projek Bekalan Air (PPBA), sebanyak RM2.61 juta (21.49%) tunggakan pinjaman dari projek PPAKR dan 6.24 juta (51.40%) dari PPPL dan tiada tunggakan dari PPPKINK. Pada tahun fiskal 2010, jumlah tunggakan yang ditanggung oleh Kelantan adalah sebesar RM120.36 juta dan ianya adalah disumbangkan sebanyak RM33.78 juta (28.06%) dari projek-projek untuk PPPKINK, sebanyak RM50.80 juta (42.21%) adalah datang dari PPBA, sebanyak RM9.57 juta (7.95%) tunggakan dari PPPAKR dan sebanyak RM27.42 juta (22.78%) dari PPPL. Bagi tahun fiskal 2015, dari sejumlah RM348.09 juta tunggakan hutang awam Kelantan, ianya adalah disumbangkan oleh sebesar RM71.92 juta (20.66%) oleh PPPKINK dan sebanyak RM207.01 juta (59.47%) tunggakan adalah dari PPBA. Sementara masing-masing adalah sebesar RM13.89 juta (3.99%) dan RM55.26 juta (15.87%) adalah tunggakan dari PPAKR dan PPPL. Tren tunggakan hutang awam ini terus meningkat bagi tahun kewangan 2017, dari sejumlah tunggakan RM438.78 juta, didapati sebanyak RM87.49 juta (19.93%) tunggakan dari PPPKINK dan sebanyak RM268.61 juta (61.22%) tunggakan dari PPBA. Sebanyak RM16.57 juta (3.77%) datangnya dari PPPAKR dan bakinya sebanyak RM66.11 juta (15.06%) datang dari tunggakan bayaran balik PPPL.

Peningkatan tunggakan bayaran balik hutang awam Kelantan adalah disumbangkan oleh peningkatan berterusan dari tunggakan bayaran balik dari projek-projek yang telah

dilaksanakan oleh PPPKINK, PPBA, PPPAKR dan PPPL pada setiap tahun. Bagi setiap tahun fiskal, didapati bahawa PPBA mendominasi tunggakan bayaran balik melebihi 50 peratus dari keseluruhan tunggakan kecuali pada tahun-tahun awal iaitu antara tahun 2005 hingga 2007. Untuk tahun-tahun berikutnya peratusan tunggakan PPBA sekurang-kurangnya 30 peratus dari keseluruhan tunggakan yang ditanggung oleh Kelantan. Peningkatan dalam tunggakan bayaran balik hutang awam Kelantan pada asasnya adalah disebabkan oleh peningkatan dalam kesemua jenis hutang awam. Namun begitu peningkatan yang paling ketara ialah peningkatan tunggakan bagi pembiayaan projek-projek yang dilaksanakan oleh PPBA yang jelas menunjukkan bahawa lebih dari separuh daripada tunggakan bayaran balik hutang awam Kelantan adalah disumbangkan oleh tunggakan dari pembiayaan kepada projek-projek dalam PPBA. Sementara itu tunggakan yang disumbangkan oleh PPPAKR adalah agak konstan antara tahun 2005 ke 2007.

Kesimpulan

Hutang awam Kelantan sentiasa meningkat dari setahun ke setahun dan peningkatan ini adalah disebabkan oleh dua faktor utama iaitu peningkatan dalam hutang awam baru dan pembayaran balik yang lemah. Peningkatan dalam hutang awam baru sebahagian besarnya adalah disumbangkan oleh pertumbuhan dalam hutang awam baru terutamanya pinjaman yang disalurkan untuk untuk PPBA dan PPPL. Sementara itu, tunggakan bayaran balik yang perlahan dari Kelantan kepada Persekutuan sebahagian besarnya adalah berpunca dari tunggakan bayaran balik dari pinjaman yang diperuntukkan kepada PPBA dan PPPL. Dengan keupayaan fiskal yang terhad dan perlembagaan menentapkan bahawa mana-mana Kerajaan Negeri yang menghadapi kesulitan kewangan, mereka hanya boleh meminjam hanya dari kerajaan Persekutuan menjadikan kebergantungan Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan meningkat. Perkara ini tidak terkecuali kepada Kerajaan Kelantan. Dengan kedudukan kewangan yang lemah, menjadikan kedudukan hutang awam Kelantan sentiasa meningkat dari setahun ke setahun.

Rujukan

Malaysia (2005), *Laporan Ketua Audit Negara*, Jabatan Audit Negara Malaysia.
Malaysia (2006), *Laporan Ketua Audit Negara*, Jabatan Audit Negara Malaysia.
Malaysia (2007), *Laporan Ketua Audit Negara*, Jabatan Audit Negara Malaysia.
Malaysia (2008), *Laporan Ketua Audit Negara*, Jabatan Audit Negara Malaysia.
Malaysia (2009), *Laporan Ketua Audit Negara*, Jabatan Audit Negara Malaysia.
Malaysia (2010), *Laporan Ketua Audit Negara*, Jabatan Audit Negara Malaysia.
Malaysia (2011), *Laporan Ketua Audit Negara*, Jabatan Audit Negara Malaysia.
Malaysia (2012), *Laporan Ketua Audit Negara*, Jabatan Audit Negara Malaysia.
Malaysia (2013), *Laporan Ketua Audit Negara*, Jabatan Audit Negara Malaysia.
Malaysia (2014), *Laporan Ketua Audit Negara*, Jabatan Audit Negara Malaysia.
Malaysia (2015), *Laporan Ketua Audit Negara*, Jabatan Audit Negara Malaysia.
Malaysia (2016), *Laporan Ketua Audit Negara*, Jabatan Audit Negara Malaysia.
Malaysia (2017), *Laporan Ketua Audit Negara*, Jabatan Audit Negara Malaysia.